

UNIT KURIKULUM  
JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

LEARNING TO SCORE 2005

---

---

PENILAIAN MENENGAH RENDAH

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Satu jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Bahagian A (i)** dan **Bahagian A (ii)**. Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** tidak mempunyai pilihan.
4. **Bahagian C** mempunyai lima pilihan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.
5. **Bahagian D** juga tidak mempunyai pilihan.

**Bahagian A**

(Masa yang dicadangkan : 40 minit)

**Bahagian A (i) : Ringkasan**

(20 markah)

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang langkah-langkah mengatasi masalah pemilikan lebih daripada satu rumah murah. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang membuat kajian untuk menggubal undang-undang terhadap pembeli yang memiliki lebih daripada sebuah rumah murah. Antara tindakan yang mungkin diambil adalah mendakwa pembeli tersebut di mahkamah. Jika disabit kesalahan, rumah mereka akan dirampas dan pembeli itu akan didenda kerana menipu.

Tindakan tersebut adalah untuk **mencegah** pembeli daripada memiliki lebih daripada sebuah rumah murah yang sepatutnya dimiliki oleh rakyat miskin. Keadaan ini berlaku kerana ada pihak yang mengambil kesempatan untuk memiliki lebih daripada sebuah rumah murah dengan membelinya di negeri lain.

Kementerian akan cuba mengesan pemilik terbabit melalui senarai pembelian yang disimpan oleh kerajaan negeri. Kementerian berharap agar orang ramai yang mempunyai maklumat tentang pembeli yang memiliki lebih daripada sebuah rumah murah dapat membuat aduan supaya tindakan segera dapat diambil.

Penempatan semula penghuni rumah setinggan di kawasan baru melalui tawaran membeli rumah murah juga memberikan kesempatan kepada pemilik untuk mempunyai lebih daripada sebuah rumah murah. Mereka sengaja menetap di rumah setinggan sedangkan rumah sendiri disewakan kepada orang lain untuk mengaut keuntungan.

Di samping itu, mereka berharap agar kerajaan memberikan tanah lot kepada mereka sebagai tukar ganti dengan tanah setinggan. Sehubungan itu, mulai sekarang kerajaan telah menghentikan pemberian tanah lot kepada penghuni setinggan bagi menangani masalah ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Dewan Masyarakat, 2000)

**Soalan Bahagian A (ii) : Pemahaman**  
(10 markah)

1. Berikah maksud rangkai kata "***mencegah***". (2 markah)
  
2. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap pembeli yang memiliki lebih daripada sebuah rumah murah? (4 markah)
  
3. Nyatakan dua kesan sosial yang terdapat di kawasan setinggan. (4 markah)

**Bahagian B**  
**(Masa yang dicadangkan : 25 minit**  
**(20 markah)**

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan kepentingan bergotong royong dalam kehidupan bermasyarakat. Huraian anda hendaklah tidak kurang 120 patah perkataan.



**Bahagian C**  
**(Masa yang dicadangkan : 45 minit)**  
**(40 markah)**

**Tulis sebuah karangan tentang satu daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan**

- a. Rumah sahabat anda terlibat dalam suatu kejadian kebakaran. Anda bersimpati atas nasib sahabat anda itu. Tulis sepucuk surat kepada sahabat anda untuk mengucapkan takziah berhubung dengan kejadian tersebut.
- b. Tulis suatu cerita berdasarkan peribahasa , ‘ Carik-carik bulu ayam,lama-lama bercantum juga ‘
- c. Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum, namun perpaduan tetap kukuh. Nyatakan faktor-faktor yang mengukuhkan perpaduan ini.
- d. Anda ialah pengerusi Kelab Berkebun di sekolah anda. Anda dikehendaki memberi ceramah dalam satu perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah ialah ‘ Faedah Berkebun’.Tuliskan tek ceramah itu selengkapnya
- e. ‘Hari Keluarga’ telah diadakan di tempat tinggal anda. Berbagai-bagai acara menarik diadakan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan. Gambarkan kemeriahan ‘Hari Keluarga’ tersebut.

**Bahagian D**  
**(Masa yang dicadangkan : 10 minit)**  
**(10 markah)**

*Jawapan mestilah berdasarkan daripada novel-novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 seperti senarai di bawah*

- ( i ) Kapten Hassan Wira Bangsa (Harun Johari)
- ( ii ) Merdeka! Merdeka! ( A. Rahman Hanafiah )

Berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2 dan Tingkatan 3, jelaskan satu perbezaan dan satu persamaan **latar masyarakat** yang terdapat dalam novel yang anda kaji dan kaitkan dengan **contoh** yang sesuai.

**KERTAS SOALAN TAMAT**